PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membantu golongan guru untuk mendapat khidmat pemeriksaan kesihatan mental yang mengakibatkan kemurungan kerana beban tugas di sekolah dan apakah dasar baru Kementerian bagi menambah baik polisi sedia ada bagi memastikan warga pendidik tidak terbeban dengan tekanan perasaan semasa bertugas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggunakan Ujian Saringan Minda Sihat atau *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) untuk mengenal pasti tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Berdasarkan kepada saringan yang dibuat, klien yang dikenal pasti mengalami masalah kemurungan, kebimbangan dan tekanan akan dirujuk kepada klinik psikiatri. KPM juga telah melancarkan Program #3A (Sedar, Peka, Tindak) pada 10 Julai 2019. Matlamat program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kesejahteraan mental dalam kalangan guru di seluruh negara yang disampaikan oleh pentadbir sekolah masing-masing. Ini merupakan satu wadah untuk membantu warga guru dalam menguruskan tekanan perasaan dalam menjalankan tugasan harian.

NO. SOALAN : 16

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru, KPM telah menggariskan strategi menangani beban tugas guru kepada tiga fasa iaitu jangka masa pendek, pertengahan dan panjang. Bagi inisiatif jangka masa pendek, YB Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan lima inisiatif untuk dilaksanakan seawal bulan Januari 2019 yang berkuat kuasa serta-merta. Inisiatif yang telah diumumkan melibatkan penambahbaikan kaedah pengurusan fail, pelaporan dan dokumentasi, penambahbaikan proses pengurusan data dan sistem online, autonomi pelaksanaan LINUS dan pentaksiran Tahap 1, penyeragaman borang dan proses pemantauan serta penyelarasan penubuhan jawatankuasa pada peringkat sekolah.

Bagi inisiatif jangka masa sederhana untuk dilaksanakan bermula seawal Januari 2019 sehingga ke akhir tahun ini, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan, bagi mengurangkan isu beban tugas guru berkaitan Isu SKPMg. Guru perlu membuat semakan berkala terhadap tugas mereka dan menyediakan dokumen/eviden berkaitan tugas tersebut. Jemaah Nazir telah melaksanakan beberapa tindakan untuk menangani isu ini iaitu:

1. Audit verifikasi pelaksanaan SKPMg2 oleh pihak Jemaah Nazir telah dimansuhkan sekolah hanya perlu melaksana audit kendiri bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan masing-masing.

2. Eviden/dokumen pelaksanaan sesuatu tugas/aktiviti/program yang dilaksanakan di sekolah boleh disediakan dalam pelbagai bentuk (*hard copy/soft copy*).

3. Fasa semakan dan penilaian kendiri dibuka dua kali setahun iaitu pada bulan Januari - Mac (Fasa 1) dan Ogos - November (Fasa 2) berbanding tiga (3) kali sebelum ini.

4. Semua pejabat Jemaah Nazir di seluruh negara menyediakan khidmat Klinik SKPMg2 yang boleh dihadiri secara sukarela oleh mana-mana sekolah yang memerlukan maklumat dan khidmat nasihat berkaitan SKPMg2.

Bagi inisiatif jangka panjang pula yang akan dilaksanakan seawal Januari 2020, beberapa jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk memperhalusi strategi dan cadangan bagi mengatasi isu guru yang banyak terlibat dalam program dan aktiviti sukan, seni, ko-kurikulum dan akademik yang bertindan-tindih menyebabkan mereka sukar fokus dalam bilik darjah. Beberapa strategi telah dirangka seperti pembentukan takwim di peringkat kebangsaan, penyelarasan dengan pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) serta pemberian autonomi di peringkat sekolah.

Selain itu, bagi memastikan keberadaan guru di dalam bilik darjah, penglibatan guru dalam melaksanakan peranan jurulatih utama atau fasilitator akan dikurangkan, sebaliknya penglibatan pensyarah-pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) dan English Language Training Centre (ELTC) akan dipertingkatkan. Jawatankuasa kecil ini juga berperanan untuk memikirkan kaedah terkini untuk menatarkan kurikulum dalam bentuk teknologi seperti telekonferens, *youtube* dan rakaman-rakaman yang dimuat naik dalam *website* rasmi Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) bagi mengurangkan isu guru terpaksa keluar meninggalkan bilik darjah.

Sekian, terima kasih.

RJM118